

# LAWATAN KERJA PENGARAH KOR ORDNANS DIRAJA KE MATRA 2

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3879-lawatan-kerja-pengarah-kor-ordnans-diraja-ke-matra-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3879-lawatan-kerja-pengarah-kor-ordnans-diraja-ke-matra-2)

SUBANG, 6 Sep 18 - Satu Lawatan Kerja oleh Pengarah Kor Ordnans Diraja, Brig Jen Mohd Norbi bin Ismail bersama pegawai-pegawai daripada Kor Ordnans Diraja ke MATRA 2.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Automated Storage And Retrieval System (ASRS) dan melihat sendiri bagaimana sistem ASRS berfungsi.

Dalam Lawatan Kerja tersebut Ketua MATRA 2, Lt Kol Hj Nor Azmi bin Abd Rahman TUDM turut menerangkan peranan MATRA 2 sebagai depoh penyimpanan aset TUDM disamping membawa rombongan lawatan melihat tatacara penyimpanan dan melawat gudang-gudang di MATRA 2 .

